

## TERMA TERMA DAN SYARAT SYARAT Kempen CIMB Beyond Borders, Beyond Points

1. Kempen CIMB Beyond Borders, Beyond Points ("**Kempen**") adalah anjuran CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("**CIMB Islamic Bank**"). CIMB Islamic Bank hendaklah dirujuk secara di sini sebagai "**CIMB Islamic**".

### Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari 26 Mei 2025 sehingga 25 Jun 2025, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB Islamic berhak memberikan notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Jangka Masa Kempen dan/atau Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada kakitangan CIMB terpilih yang memenuhi syarat-syarat berikut:
  - i) Pemegang kad kredit utama **Kad Kredit CIMB Platinum-i Mastercard** yang dikeluarkan oleh CIMB Islamic. Perbelanjaan oleh mana-mana pemegang kad tambahan di akaun yang sama akan digabungkan di peringkat akaun pemegang kad utama dan dianggap sebagai sebahagian daripada syarat perbelanjaan kempen jika layak.

Kakitangan yang bukan pemegang kad utama Kad Kredit CIMB Platinum-i Mastercard tidak layak untuk memperoleh Mata Bonus Kempen, walaupun mereka memegang Kad Kredit CIMB Platinum-i Mastercard tambahan.

- ii) Menerima satu Sistem Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan/atau emel elektronik ("**eDM**") pada alamat e-mel pemegang kad yang kedua-duanya yang dikekalkan dalam rekod berkenaan Kempen ini sebagai jemputan untuk menyertai Kempen ini ("**Peserta Yang Layak**"). Pendaftaran Kempen adalah tidak diperlukan. Kad kredit CIMB Platinum-i Mastercard untuk Peserta Yang Layak adalah secara kolektif dirujuk sebagai "**Kad Kredit-i Yang Layak**".

Adalah menjadi tanggungjawab Peserta yang Layak untuk memastikan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel milik mereka ("**Maklumat Perhubungan**") yang diberikan kepada CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad sekiranya terdapat perubahan yang dilakukan oleh mereka. CIMB Islamic berhak membatalkan "**Mata Bonus**" sekiranya Maklumat Perhubungan milik Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan. CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan akibat daripadanya) yang ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad adalah tidak terkini atau tepat.

### Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

5. Dalam komunikasi yang diterima daripada CIMB Islamic, Peserta Layak akan dimaklumkan mengenai syarat-syarat untuk menyertai Kempen, seperti berikut:
- Jumlah **perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** untuk setiap **Transaksi Perbelanjaan Layak ("Sasaran Perbelanjaan")** (seperti yang ditakrifkan di Klausa 7) yang perlu dibelanjakan oleh Peserta Layak menggunakan Kad Kredit-i Yang Layak mereka;
  - Seribu (1,000) Mata Bonus** yang akan diterima oleh Peserta Layak bagi **setiap transaksi Sasaran Perbelanjaan** yang dipenuhi;
  - Had **sepuluh ribu (10,000) Mata Bonus** bagi setiap Peserta Layak untuk sepanjang Tempoh Kempen;

Ilustrasi mekanik kempen:

<b>Sasaran Perbelanjaan</b> Jumlah perbelanjaan minimum bagi setiap Transaksi Perbelanjaan Layak	RM200
<b>Mata Bonus</b> yang diterima bagi setiap Transaksi Perbelanjaan Layak	1,000 Mata Bonus
<b>Had Mata Bonus</b> bagi setiap Peserta Layak sepanjang tempoh keseluruhan kempen	10,000 Mata Bonus

6. "**Mata Bonus**" merujuk kepada mata yang deiberikan kepada Peserta Yang Layak untuk transaksi Perbelanjaan Layak yang dicajkan kepada Kad Kredit-i Yang Layak.
7. "**Transaksi Perbelanjaan Layak**" merujuk kepada transaksi pembelian yang termasuk perbelanjaan berkaitan dengan barangan runcit dan pelancongan tempatan di bawah Kod Kategori Perniagaan (MCC) yang disenaraikan di bawah jadual dan transaksi mata wang asing (kedua-dua dalam talian dan luar talian) yang diluluskan oleh CIMB Islamic dan dibayar dengan Kad Kredit-i Yang Layak semasa Tempoh Kempen, seperti yang dinyatakan di bawah:

Kategori Transaksi	Keterangan	Kod Kategori Peniaga (MCCs)	Contoh Peniaga untuk Transaksi Perbelanjaan Layak
Barangan Runcit	Transaksi berkaitan barangan runcit dinyatakan di bawah Kod Kategori Perniagaan (MCC) yang disenaraikan.	[MCCs: 5411, 5422, 5451]	Village Grocer, Jaya Grocer, Lotus's, Aeon, NSK, etc.
Pelancongan Tempatan	Transaksi berkaitan pelancongan dinyatakan di bawah Kod Kategori Perniagaan (MCC) yang disenaraikan.	<b>Syarikat Penerbangan</b> [MCCs: 3000-3299, 3300, 3301, 3302, 3303, 3308, 4511]	Malaysia Airlines, Singapore Airlines, Air Asia, British Airways, Emirates Airlines, etc.
		<b>Hotel dan Penginapan</b> [MCCs: 3501-3546, 3548-3599, 3600-3601, 3603, 3612, 3615, 3620, 3622-3625, 3628-3649, 3650-3719,	Hilton, Holiday Inn, InterContinental, Pullman International Hotels, Shangri-La

		3720-3799, 3826, 3828, 3829, 3830, 3831, 3832, 3834, 3835, 3837, 3838, 3839, 7011]	International, Wyndham, etc.
		<b>Agensi Perlancongan</b> [MCCs: 4722]	Agoda, Booking.com, Expedia, Hotels.com, Klook, Trip.com etc.
		<b>MCC Berkaitan Pelancongan Lain</b> [MCCs: 3351-3362, 3364, 3366, 3368, 3370, 3374, 3376, 3380-3391, 3393-3396, 3398, 3400, 3405, 3409, 3412, 3420-3421, 3423, 3425, 3427-3436, 3438-3441, 4011, 4111, 4112, 4121, 4131, 4411, 4457, 4511, 4582, 4789, 4814, 4816, 7512]	KLIA Express, KTMB Go Ticketing, Europe Car, Bus Lines, Cruise Lines etc.
Transaksi Mata Wang Asing	Kod mata wang di mana transaksi dilakukan adalah dalam mata wang asing (tidak termasuk Ringgit Malaysia (RM)), termasuk transaksi dalam talian atau transaksi kaunter.	NA	NA

Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Mata Wang Asing Layak akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk tujuan pengesanan bagi mencapai Sasaran Perbelanjaan, berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB. Jika jumlah pembelian Transaksi Mata Wang Asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada masa jualan melalui Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC), ia akan dikategorikan sebagai Transaksi Tempatan.

8. Bagi mengelakkan was-was, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan Layak:-
- i) Transaksi Tunai Kuasi – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
  - ii) Ansuran bulanan di bawah kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad;
  - iii) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud atau yuran-yuran, caj-caj atau penalti-penalti yang lain samada dikenakan oleh CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad atau sebaliknya;
  - iv) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai;
  - v) Transaksi JomPAY; dan
  - vi) Transaksi Perbelanjaan yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

Sekiranya Mata Bonus diberikan secara tidak sengaja untuk transaksi yang dinyatakan di atas, CIMB Islamic berhak untuk menuntut semula Mata Bonus yang diberikan untuk kempen tersebut.

Apa-apa penentuan oleh CIMB Islamic sebagai apa Transaksi Perbelanjaan Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecuali yang sama dilihat sebagai terlalu tidak adil.

9. Semua Transaksi Perbelanjaan Layak akan dikesan secara automatik oleh CIMB Islamic bagi tujuan memenuhi Mata Bonus seperti yang ditetapkan dalam SMS dan/atau eDM. Pengesanan Transaksi Perbelanjaan Layak adalah berdasarkan tarikh transaksi dan/atau waktu (Waktu Malaysia) seperti yang terdapat dalam rekod transaksi CIMB Islamic semasa Tempoh Kempen.

#### Mata Bonus dan Proses Kriteria Pemenuhan

10. Jumlah Mata Bonus yang diperuntukkan untuk Kempen adalah Lima Ratus Ribu (500,000) Mata Bonus sahaja. Mata Bonus akan diberikan pada asas "siapa cepat dia dapat". Sebaik sahaja peruntukan Mata Bonus telah dihabiskan, Peserta Yang Layak tidak lagi dapat menikmati Mata Bonus walaupun Peserta Yang Layak memenuhi Sasaran Perbelanjaan.
11. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat disini, Peserta Yang Layak akan diberi Mata Bonus untuk Transaksi Perbelanjaan Layak yang memenuhi Sasaran Perbelanjaan seperti yang dinyatakan dalam SMS dan/atau eDM yang dihantar kepada Peserta yang Layak.
12. Sebarang penentuan oleh CIMB Islamic mengenai pengiraan dan jumlah Mata Bonus adalah muktamad dan tidak akan dicabar oleh Peserta Yang Layak dengan apa jua cara, kecuali untuk kesilapan jelas. Mata Bonus tidak boleh ditukar kepada hadiah lain atau hadiah dengan nilai yang sama atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
13. Tertakluk kepada Klausula 11 terma-terma dan syarat-syarat di sini, Mata Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam akaun utama Kad Kredit-i Yang Layak milik Peserta Yang Layak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh transaksi layak yang diluluskan ("**Tempoh Pemenuhan**"). Peserta Yang Layak hendaklah memberitahu CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad dalam tempoh lapan (8) minggu dari Tempoh Pemenuhan ("**Tempoh Tertentu**") jika Mata Bonus tidak dikreditkan. Sekiranya Peserta Yang Layak tidak memaklumkan CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad dalam Tempoh Tertentu, Mata Bonus akan dianggap sebagai berjaya dikredit.
14. Hanya Peserta Yang Layak yang adalah pemegang kad utama layak menerima Mata Bonus yang diganjarkan di Kempen ini.
15. Pada masa penerimaan Mata Bonus oleh Peserta Yang Layak, akaun Kad Kredit-i Yang Layak milik Peserta Yang Layak TIDAK BOLEH berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB Islamic, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Mata Bonus.
16. Peserta Yang Layak yang berhak menerima Mata Bonus akan menerima satu pemberitahuan melalui SMS dan/atau eDM bahawa Mata Bonus telah dikreditkan ke dalam Kad Kredit Yang Layak miliknya. Jumlah Mata Bonus juga akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang seterusnya iaitu selepas pengkreditan Mata Bonus.
17. Pemberitahuan oleh CIMB Islamic akan berdasarkan nombor telefon Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad.
18. CIMB Islamic tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Mata Bonus dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan

teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit-i CIMB Islamic yang layak melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB Islamic.

### Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

19. Peserta Yang Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
  - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini
  - b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
  - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
  - d) memberi persetujuan kepada CIMB Islamic untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB Islamic mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB Islamic yang terdapat di [www.cimb.com.my/bm/personal/privacy-policy.html](http://www.cimb.com.my/bm/personal/privacy-policy.html);
  - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB Islamic berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Mata Bonus yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - f) bersetuju bahawa CIMB Islamic tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB Islamic tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB Islamic; atau
    - (v) apa-apa faktor dalam keadaan di luar jangkaan munasabah CIMB Islamic.
20. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Mata Bonus jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Mata Bonus dikreditkan:
  - a) Peserta Yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit-i Yang Layak;
  - b) Kad Kredit-i Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang,
  - c) Kad Kredit-i Yang Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB Islamic.
21. CIMB Islamic menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan:
  - a) mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
  - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

CIMB Islamic memiliki hak untuk memperpanjang, memendekkan, mengakhiri, atau menangguhkan Kempen dengan memberikan pemberitahuan selama tujuh (7) hari calendar kepada Peserta Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) Notis di cawangan CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad; dan/atau
- (iii) Melalui cara pemberitahuan lain yang CIMB Islamic pilih.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB Islamic tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Mata Bonus dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

22. CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:

- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang layak dalam Kempen; dan/atau
- b) Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS dan/atau EDM oleh Peserta Yang Layak

melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB Islamic.

23. a) CIMB Islamic menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari calendar kepada Peserta Yang Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
- (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad; dan/ atau
- (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB Islamic; dan/ atau
- (iv) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Islamic

b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB Islamic dalam notifikasi.

c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB Islamic dan/atau CIMB Bank Berhad akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.

d) Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.

24. CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.

25. Peserta Yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB Islamic tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB Islamic akibat daripada:

- a) Peserta Yang Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
- b) Peserta Yang Layak menerima, menebus atau menggunakan Mata Bonus; dan/atau

- c) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
26. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit-i Yang Layak semasa yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
27. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB Islamic tertakluk.
28. Jika CIMB Islamic tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB Islamic daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB Islamic pada masa akan datang.
29. Laman Web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB Islamic tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Yang Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Yang Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB Islamic tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh Peserta Yang Layak.
30. Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Islamic untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, dan emel:

Alamat: CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

CIMB Islamic boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB Islamic.